

Hayati kesukaran warga dunia, negara lain



TEROKA KEMAHIRAN BERHUJAH DAN MENKAKAJI: Encik Ahmad Johan Ruslan Shariff lebih peka tentang cabaran yang dihadapi pemimpin dunia dalam menggerakkan misi keamanan selepas menghadiri dua sidang 'main peranan' Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Boston, Amerika Syarikat, dan Hongkong. – Foto JOHARI RAHMAT

MINAT mahasiswa jurusan perhubungan antarabangsa di Universiti Birmingham (SIM Global Education), Encik Ahmad Johan Ruslan Shariff, terhadap isu semasa berputik sejak di sekolah menengah lagi.

Namun, pada masa itu, beliau belum cukup matang memahami isu diplomasi, jalinan kerjasama antara pelbagai negara mahupun peranan penting yang dimainkan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Hanya apabila Encik Ahmad Johan, 22 tahun, didedahkan kepada dua projek antarabangsa buat pelajar barulah beliau kian arif mengapa sesetengah isu dunia memakan masa jika mahu dihuraikan.

Dua projek tersebut ialah Sidang Model Nasional Harvard PBB (HNMUN) di Boston, Amerika Syarikat, dan Sidang Model Asia Pasifik PBB (AMUNC) di Hongkong.

Sebagai peserta sidang, Encik Ahmad Johan perlu memainkan peranan sebagai utusan mewakili sesebuah negara bagi membincangkan isu global dalam suasana persis sidang PBB.

Beliau dipilih sebagai wakil kampusnya selepas melalui beberapa pusingan ujian dan wawancara mencabar.

Kegiatan popular itu satu cara mendedahkan pelajar serata dunia kepada kemahiran berbahas dan mengkaji pelbagai isu, termasuk penuaan penduduk, menjaga keselamatan dan pelucutan senjata nuklear.

Ketika ditemui *Gah!* di kampus SIM Global Education baru-baru ini, Encik Ahmad Johan, yang memegang jawatan penolong pengaruh kegiatan kokurikular (CCA) Persatuan Ehwat Antarabangsa SIM Global Education, berkata:

“Saya minat membaca tentang konflik Palestin dan mengambil tahu tentang bermacam pergolakan dunia seperti kesan pucuk pimpinan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump pada dunia.

“Dengan peluang yang diberi kepada saya ke dua sidang ‘main peranan’ PBB ini, banyak perkara yang saya pelajari.



HARUNGI CUACA SEJUK: Encik Ahmad Johan (*barisan belakang, kanan*) menghabiskan masa di Boston dalam cuaca sejuk Februari lalu, bersama rakan sepasukan daripada SIM Global Education. – Foto ihsan AHMAD JOHAN RUSLAN SHARIFF

“Tugas wakil tidak semudah mana. Melihat pelajar daripada institusi Eropah berbahas, gemetar rasanya sebab mereka ‘ni pandai berhujah dengan segala macam isu begitu dekat di hati mereka.”

Menangani cuaca sejuk di Boston Februari lalu dan tidak mampu tidur lena kerana sibuk menyiapkan kertas usulan juga merupakan ujian yang perlu dihadapi Encik Ahmad Johan dan teman-teman.

“Namun, saya hargai peluang keemasan makan bersama pelajar lain dari serata dunia yang tidak dikenali. Alhamdulillah, disebabkan pengalaman tersebut, saya kini ada kawan sejauh Guatemala, Peru, Colombia, Amerika, Belgium dan Belanda,” kongsiinya.

Di Boston, Encik Ahmad Johan perlu memainkan peranan sebagai utusan Mongolia yang mengusulkan agar lebih ramai penjaga keamanan wanita dilibatkan dalam operasi menjaga keamanan.

Beliau dan pasukannya juga menyarankan agar peluasan dan lanjutan Pusat Khidmat Global PBB (cawangan logistik PBB)

dikendalikan di Afrika bagi memastikan urusan komunikasi dan pembinaan prasarana dikendalikan dengan baik.

“Sebelum ini, mungkin saya kurang berminat melihat negara terpencil seperti Mongolia dan peranannya, tetapi selepas sesi tersebut, saya menyedari betapa kaum Hawa memainkan peranan penting dalam menjaga keamanan negara di Mongolia,” katanya.

Di Hongkong pula, sesi yang dihadiri sewaktu Ramadan lalu lebih kecil.

Kali ini, beliau perlu membayangkan dirinya sebagai utusan Russia yang menyarankan agar latihan kecemasan bagi orang awam yang tinggal di kawasan berisiko tinggi dilaksanakan.

Latihan tersebut melatih mereka bertindak dalam menangani krisis dan meraih peluang penakatan dalam keadaan darurat.

“Russia kerap kali dipapar media sebagai negara yang dikecam kerana imej negatif, tetapi setelah menyelidiki tindak-tanduknya, saya menyedari tidak semua berita negatif yang tular tentang negara ini benar. Ada juga jasa Russia,” katanya.